

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

# Penguatkuasaan Akta 852 perlu dilaksanakan lebih ketat

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak gesa perhebat usaha kekang bekalan vape

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menggesa penguatkuasaan Seksyen 13 dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (Akta 852) dilaksanakan dengan lebih ketat.

Seksyen itu antara lain menghalang sebarang penjualan produk yang berkaitan dengan tembakau serta nikotin kepada kanak-kanak.

Selain itu, Pejabat Pesuruhjaya itu menggesa Seksyen 17 dalam Akta 852 yang menjadikan perbuatan menghisap atau menggunakan sebarang produk berasaskan tembakau atau produk pengganti tembakau dalam kalangan individu berusia bawah 18 tahun sebagai satu kesalahan perlu dikuatkuasakan dengan tegas.

Pada masa sama, kerajaan di-

Pelajar Tingkatan 4 tak sedarkan diri selepas hisap vape

Keratan akhbar BH  
Selasa lalu.

minta memperhebat usaha mengekang bekalan rokok elektronik yang menyasarkan golongan kanak-kanak serta bawah usia, dengan pemantauan ketat penjualan yang tidak sah di media sosial.

"Kejayaan langkah pencegahan ini berkait rapat dengan ketulusan dan kesungguhan dalam penguatkuasaan akta ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada 1 Julai lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) dijangka menguatkuasakan sepenuhnya peraturan dan perintah di bawah Akta 852 pada bulan ini.

Mengulas kes seorang pelajar sekolah menengah di Kemaman yang berada dalam keadaan kritikal selepas menghisap rokok elektronik dengan cecair atau gel 'magic mushroom' secara berlebihan, Pesuruhjaya Kanak-Kanak juga menggesa ibu bapa dan penjaga lebih peka dengan risiko kesehatan yang di-

kaitkan dengan produk rokok elektronik.

Katanya, produk berkenaan lazimnya dipasarkan di media sosial dengan bungkus yang terang dan beraneka perisa, sekali gus menarik perhatian, terutama golongan muda.

"Ibu bapa dan penjaga yang mendapati anak-anak mereka menghisap rokok elektronik haruslah segera mendapatkan bantuan.

"Fasiliti kesihatan kerajaan dan organisasi profesional yang berkaitan menawarkan perkhidmatan berhenti merokok, yang terdiri daripada rawatan serta kaunseling," katanya.

## Bahaya naratif promosi vape

Selain itu, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak juga mengingatkan orang awam mengenai bahaya naratif yang mempromosikan rokok elektronik atau vape sebagai pengganti tembakau yang 'lebih sihat serta kurang berisiko' untuk perokok menghentikan tabiat mereka.

"Perang menentang tembakau ini tidak seharusnya disertai dengan sogokan nikotin atau bahan kimia yang mengakibatkan ketagihan kepada pengguna bahu, terutama sekali kanak-kanak," katanya.

Pada 22 Julai lalu, seorang pelajar Tingkatan Empat di Chuak, Terengganu pengsan selepas dipercayai menghisap vape yang perisanya dicampurkan benda asing.



Dr Dzulkefly merasmikan Kem Kesihatan Minda Kunci Kesejahteraan Warga Emas di Jeram Tekoh, Gua Musang, semalam. (Foto BERNAMA)

## Akta kawalan produk merokok peringkat akhir kelulusan

**Gua Musang:** Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang sepatutnya dilaksanakan pada bulan ini, masih pada peringkat akhir mendapatkan kelulusan Jabatan Peguam Negara, sebelum boleh dikuatkuasakan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata proses bagi melaksanakan dan menguatkuasa akta itu akan tetap diteruskan.

"Insyallah masih peringkat terakhir dah ni, apa yang kita katakan sebagai Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 peraturan dan perintah sudahpun diangkat kepada Jabatan Peguam Negara.

"(Apabila) semua siap nanti, kami benar berharap bulan ini kita akan dapat laksanakan akta ini," katanya ditemui media selepas Kem Kesihatan Minda, Kunci Kesejahteraan Warga

Emas, di Jeram Tekoh, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan bagi 2023 menunjukkan 3.1 peratus warga emas berumur 60 tahun ke atas mengalami kemurungan.

Katanya, berdasarkan statistik itu, golongan berkenaan perlu diberi perhatian dan melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

"Apabila kita semakin tua, pelbagai komplikasi kesihatan mungkin timbul, mulai dari lemah hingga demensia, yang boleh menjadi faktor risiko penurunan kesihatan mental seseorang.

"Oleh itu, kita perlu membantu warga emas yang ada di sekitar kita dengan mempromosikan kesihatan mental yang positif dan membawa mereka menjalani saringan secara berkala," katanya.

## Mukhlis henti hisap vape selepas kena serangan jantung

**Kuala Lumpur:** Naratif yang mendakwa vape adalah pilihan yang lebih sihat, berbanding rokok kerana kuantiti nikotinnya yang lebih rendah menarik Mukhlis Zolkipli, 36, untuk mengambil bahan itu pada 2012.

Bagaimanapun, insiden serangan jantung yang menimpanya pada Oktober tahun lalu membuka mata Mukhlis untuk 'membuang' vape terus daripada hidupnya dan kini, memilih gaya hidup yang lebih sihat.

Menceritakan pengalamannya kepada BH, Mukhlis yang bekerja sebagai pakar pemasaran, berkata beliau asalnya seorang penghisap rokok tegar dan pada masa sama turut mengambil vape, sehingga disahkan menghidap penyakit *appendicitis* pada 2017.

"Saya terpaksa dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) akibat komplikasi ketika pembedahan. Dalam proses penyembuhan selepas keluar dari ICU, doktor menasihati saya untuk berhenti merokok akibat paru-paru yang 'tidak cantik', lalu saya terus berhenti merokok dan hanya menghisap vape.

"Bagaimanapun, tidak ada gunanya menghisap vape (sebagai alternatif) jika tidak ada kawalan daripada diri sendiri untuk berhenti kerana tidak seperti batang rokok, penghisap vape akan terus menghisap bahan itu



Mukhlis Zolkipli

sehingga kehabisan bateri atau jus vape," katanya.

Pada Oktober tahun lalu, Mukhlis sekali lagi dimasukkan ke hospital akibat serangan jantung, dengan tiga daripada saluran jantungnya tersumbat, berpunca daripada tahap kolesterol yang tinggi, cara pemakanan yang tidak sihat dan diburukkan dengan rutin amalnya menghisap vape.

"Saya membuat keputusan untuk berhenti menghisap vape terus pada awal tahun ini selepas sedar bagaimana nikotin mengakibatkan halangan dalam ar-

teri jantung.

"Sebagai seorang ayah dan suami, saya tidak boleh meletakkan diri saya dalam situasi yang memberi beban kepada keluarga," katanya.

## Henti ketagihan

Menghentikan tabiat yang menjadi kebiasaan selama lebih 10 tahun itu ternyata tidak mudah, memaksa Mukhlis menggunakan pelbagai cara untuk mengalihkan perhatian daripada ketagihan vape, seperti ke gimnasium, bermain permainan video, bersukan dan mengurangkan pertemuan dengan rakan pada waktu malam.

"Saya banyak meluangkan masa bersama keluarga dan kini, saya rasa lebih sihat dan jantung

saya juga sudah pulih kepada normal dalam masa lapan bulan sejak serangan jantung," katanya.

Menyesali terjebak dalam tabiat merokok dan menghisap vape yang memberi kesan buruk kepada kesihatan serta pembaziran wang, Mukhlis menasihatkan semua, terutama remaja supaya tidak sekali-kali mencubanya.

"Jika sudah mengambil bahan itu dan ketagih, segera ambil langkah pertama untuk melawan perasaan ketagih itu.

"Selepas anda berjaya melawan rasa ketagih itu, cuba sibukkan diri dengan aktiviti yang boleh membantu anda daripada terjebak kepada vape semula," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

BH Jumaat, 2 Ogos 2024 •

Nasional

9

## Gula dalam minuman acara kerajaan dikurangkan 50 peratus

**Putrajaya:** Kabinet memutuskan minuman yang disediakan dalam semua acara anjuran kerajaan akan dikurangkan penggunaan gula sebanyak 50 peratus, berkuat kuasa semalam.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, berkata inisiatif itu diambil susulan peningkatan jumlah rakyat Malaysia menghidap diabetes yang mencecah 15.5 peratus berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan

Morbidity Kebangsaan 2023.

"Ya bermaksud masalah diabetes, iaitu penyakit tidak berjangkit, perlu ditangani secara menyeluruh. Maka, salah satu ikhtiar kerajaan ialah mulai hari ini (semalam), Jemaah Menteri memutuskan semua acara kerajaan akan mengurangkan penggunaan gula sebanyak 50 peratus dalam minuman.

"Semua minuman akan disediakan dengan gula tidak di-

masukkan, dan kita akan mengurangkan penggunaan gula itu dalam semua acara kerajaan, termasuk mesyuarat," katanya pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

### Baik untuk kesihatan

Mengulas lanjut, Fahmi memaklumkan, laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbidity Kebangsaan 2023 menunjukkan pe-

cahan usia penghidap diabetes ialah golongan berumur 18 hingga 29 tahun sebanyak 3.2 peratus; 30-39 tahun (6.5 peratus); 40-49 tahun (15.2 peratus); 50-59 tahun (28.8 peratus) dan 60 tahun ke atas (38 peratus).

Justeru, beliau yang juga Menteri Komunikasi berkata, langkah mengurangkan penggunaan gula dalam minuman adalah lebih baik untuk kesihatan.

"Biar manis di senyuman, bukan dalam minuman," katanya.

Pada April lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukmanisan Awang Sauni, dilaporkan berkata lima juta rakyat Malaysia berisiko menghidap pradiabetes dan diabetes dengan kebanyakan mereka tidak menyedarinya kerana tiada menjalani pemeriksaan serta saringan kesihatan awal.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 19  
RUANGAN : NASIONAL

## Pusat akuatik MBBJ Arena Larkin dicemari e-coli ditutup

**Johor Bahru:** Pusat Akuatik Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) Arena Larkin yang dicemari bakteria escherichia coli (e-coli), ditutup kepada umum hingga Januari tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Mohd Hairi Mad Shah, berkata pelbagai kerja baik pulih akan dilaksanakan di fasiliti sukan berkenaan, termasuk menukar jubin lantai kolam renang yang berkarat, sepanjang tempoh enam bulan penutupan itu.

Beliau berkata, langkah itu diambil selepas mendapat persetujuan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

"Kementerian Kesihatan (KKM) memberi notis

penutupan hingga 6 Ogos terhadap pusat akuatik ini susulan masalah pencemaran air yang menjejaskan kesihatan 19 peserta Kejohanan Akuatik Majlis Sukan Sekolah Johor (MSSJ) 2024, minggu lalu.

"Namun selepas mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri Johor, pusat akuatik ini akan dibuka selepas penjadualan kebersihan oleh Jabatan Kimia dan KKM serta penukaran sistem antikarat oleh pihak Damansara Assets, sebelum ia diserahkan kepada MBBJ pada awal Januari tahun depan.

"Walaupun air sudah bersih, kita tidak mahu mengambil risiko. Saya tidak mahu kita terkejar-kejar membuka pusat akuatik ini tetapi akhirnya berisiko kepada atlet muda. Oleh itu, kita ada pelan

jangka panjang. Kita juga mempunyai pelan utama bersama Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Sukan Johor serta Jabatan Pendidikan Johor yang menjaga hal ehwal atlet muda," katanya selepas melawat persekitaran termasuk kolam terjun dan kolam renang di Pusat Akuatik MBBJ Arena Larkin di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Hairi berkata, antara kerja penambahbaikan yang akan dilakukan ialah penukaran sistem antikarat serta penukaran jubin di kedua-dua kolam terjun dan kolam renang, selain memastikan sistem saliran air benar-benar bersih.


Berikutan itu, katanya, peminat sukan renang diminta berkunjung ke fasiliti berkaitan di Educity yang juga bertaraf antarabangsa.



Mohd Hairi meninjau Pusat Akuatik MBBJ Arena Larkin di Johor Bahru, semalam.

(Foto BERNAMA)

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : LOKAL



DR Dzulkefly berbuai dengan penduduk kampung selepas melawat Kem Kesihatan Kesihatan Minda, Kunci Kesejahteraan Warga Emas di Jeram Tekoh, Gua Musang.

## AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK

# 'Harap bulan ini juga'

Oleh Paya Linda Yahya  
am@hmetro.com.my

### Gua Musang

**A** kta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang dijangka bakal dilaksanakan bulan ini masih berada pada peringkat akhir kelulusan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ah-

mad berkata, proses bagi melaksanakan akta itu tetap akan diteruskan.

"Insyallah masih peringkat terakhir...apa yang kita katakan sebagai Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 peraturan dan perintah sudah diangkat kepada Jabatan Peguam Negara.

"(Apabila) semua siap nanti, kami berharap dapat melaksanakan akta ini pada

Ogos," katanya selepas melawat Kem Kesihatan Minda, Kunci Kesejahteraan Warga Emas di Jeram Tekoh di sini, semalam.

Terdahulu media melaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) bakal menguatkuasakan sepenuhnya peraturan dan perintah mengikut Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Dr Dzulkefly berkata, antara yang peraturan termaktub mengikut akta berkenaan termasuk pendaftaran, penjualan, pembungkusan dan pelabelan serta satu perintah berkaitan larangan merokok di tempat awam.

Katanya, semua peraturan dan perintah ini akan dikuatkuasakan serentak dengan Akta 852 termasuk rokok elektronik.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

Kurang 50 peratus bahan itu bagi kekang diabetes

## Acara kerajaan kini kurang guna gula

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Kerajaan memuktakan pelaksanaan pengurangan penggunaan 50 peratus gula dalam minuman bagi semua acara serta mesyuarat yang dianjurkan.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, tindakan tersebut diambil bagi mengekang serta mengatasi penyakit kencing manis yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat di negara ini.

Katanya, langkah pengurangan bahan tersebut berkuat kuasa semalam selepas diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

Jelasnya, berdasarkan Tin-

“

Biar manis di senyuman bukan di minuman. Ini adalah keputusan Jemaah Menteri untuk mewujudkan satu suasana yang lebih sihat.”

**FAHMI FADZIL**

jauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023, ia telah merekodkan jumlah rakyat Malaysia yang menghidap diabetes mencecah 15.5 peratus.


“Semua minuman akan disediakan secara gula tidak dimasukkan. Jadi kita akan kurangkan penggunaan gula.

“Biar manis pada senyuman bukan pada minuman.

“Ini adalah keputusan Jemaah Menteri untuk mewujudkan satu suasana yang lebih sihat,” katanya pada sidang akhbar mingguan di sini semalam.

Berdasarkan tinjauan tersebut, kumpulan rakyat tertinggi yang menghidap penyakit tidak berjangkit itu adalah berusia 60 tahun ke atas iaitu 38 peratus.

Ini diikuti usia 50 hingga 59 tahun sebanyak 28.8 peratus, 40 hingga 49 tahun (15.2 peratus), 30 hingga 39 tahun (6.5 peratus) dan 18 hingga 29 tahun (3.2 peratus).



SEMUA acara kerajaan selepas ini akan mengurangkan penggunaan gula dalam minuman. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 7  
 RUANGAN : NEGARA

Kosmo/ JUMAAT 2 OGOS 2024

Negara! 7

KKM berharap Akta Kawalan Produk Merokok dilaksanakan sebelum akhir tahun

## Kuat kuasakan akta kawalan rokok

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Kementerian Kesihatan (KKM) berharap Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) dapat dikuatkuasakan sepenuhnya seawat-lewatnya hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, akta yang sepatutnya dilaksanakan pada bulan ini masih dalam peringkat akhir kelulusan.

Sehubungan itu, katanya, beliau berharap akta tersebut dikuatkuasa sebelum akhir tahun ini.

"Insya-Allah akta itu masih peringkat terakhir. Apa yang kita katakan sebagai Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 peraturan dan perintah sudah diangkat kepada Jabatan Peguam Negara.

"Apabila semua siap nanti, kami benar berharap agar dapat laksanakan akta itu," katanya kepada pemberita selepas Kem Kesihatan Minda, Kunci Kese-

jahteraan Warga Emas di Dewan Komuniti Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Jeram Tekoh di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, KKM bakal menguatkuasakan sepenuhnya peraturan dan perintah di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) pada Ogos ini.

Dzulkefly berkata, antara peraturan yang termaktub mengikut akta itu antaranya pendaftaran, penjualan, pembungkusan, pelabelan dan satu perintah berkaitan larangan merokok di tempat awam.

Katanya, semua peraturan dan perintah itu akan dikuatkuasakan serentak dengan Akta 852 termasuk rokok elektronik.

**DZULKEFLY (kanan)** merasmikan Kem Kesihatan Minda, Kunci Kesejahteraan Warga Emas di Dewan Komuniti RKT Kesedar Jeram Tekoh di Gua Musang semalam.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NEGARA

## Pusat Akuatik MBBJ ditutup hingga Januari

**JOHOR BAHRU** – Pusat Akuatik Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) Arena Larkin, di sini yang didapati dicemari bakteria e-coli akan ditutup sehingga Januari depan bagi memberi ruang kepada kerja-kerja penambahbaikan dijalankan.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Mohd. Hairi Mad Shah berkata, ini bagi memastikan venue itu betul-betul bersih dan selamat untuk digunakan sebelum dibuka kepada umum.

Katanya, antara kerja penambahbaikan yang akan dilakukan ialah penukaran sistem anti karat, penukaran jubin di kedua-dua kolam terjun dan kolam renang selain memastikan sistem saliran air benar-benar bersih.

"Pusat Akuatik MBBJ ini sepatutnya dibuka sepenuhnya pada Selasa ini tetapi hasil keputusan Majlis Mesyuarat Negeri Johor, semalam, Menteri Besar mengarahkan agar ia ditutup sehingga Januari 2025 selepas semua kerja penambahbaikan dilakukan.

"Walaupun Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengesahkan air kolam itu sudah bebas bakteria e-coli, namun kita tak mahu ambil risiko dan terkejar-kejar untuk membuka



KERATAN Kosmo semalam.

fasiliti ini kepada umum," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pihak Majlis Sukan Negeri Johor dan Kementerian Belia dan Sukan Negeri Johor semasa melawat Pusat Akuatik MBBJ Arena Larkin, di sini semalam.

Ahad lalu, seramai 19 pelajar yang mengambil bahagian dalam kejohanan Akuatik Majlis Sukan Sekolah Johor pada Selasa hingga Khamis lalu dikejarkan ke hospital, selepas mengalami gejala seperti, muntah-muntah, demam dan kulit gatal.

Mengulas lanjut, Mohd. Hairi berkata, kos penambahbaikan yang akan ditampung syarikat penyelenggara.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

## Akta Kawalan Produk Merokok dikuatkuasakan hujung tahun ini

**GUA MUSANG** - Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengimplementasikan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852), selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, antara peraturan yang termaktub mengikut akta itu termasuk pendaftaran, penjualan, pembungkusan dan pelabelan serta satu perintah berkaitan larangan merokok di tempat awam.

"Akta yang sudah diangkat ke Jabatan Peguam Negara (AGC) itu, kini di peringkat akhir.

"Kesemuanya hampir siap dan mungkin adalah sedikit perlu memperkemas, kami benar-benar berharap hujung tahun ini akan dapat melaksanakan akta itu," katanya selepas merasmikan Kem Kesihatan Kesihatan Minda, Kunci Kesejahteraan Warga Emas di Dewan Komuniti Jeram Tekoh di sini, pada Khamis.

Dr Dzulkefly berkata, semua peraturan dan perintah ini akan dikuatkuasakan serentak dengan Akta 852 termasuk rokok elektronik.

"Peraturan dan perintah yang akan



DR DZULKEFLY

dikuatkuasakan turut melibatkan rokok elektronik.

"Akta juga akan menyaksikan kawalan lebih ketat terhadap penjualan produk vape ke atas kanak-kanak bawah umur," ujar beliau.

Akhbar sebelum ini melaporkan, akta itu akan menyaksikan kawalan lebih ketat terhadap penjualan produk vape ke atas kanak-kanak bawah umur dan usaha melawan tabiat merokok

secara menyeluruh kerajaan dan masyarakat.

Dalam pada itu, mengikut laman sesawang Majlis Keselamatan Negara, KKM menerima 17 kes penyakit paru-paru, iaitu *E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI)* berpunca daripada rokok elektronik, termasuk vape sehingga Jun tahun lalu.

Pada masa sama, 69 kes keracunan vape dalam kalangan kanak-kanak dilaporkan dari 2015 hingga Ogos 2023.

Antaranya pada 30 Mei tahun lalu, seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun mengalami keracunan nikotin akut selepas dipercayai tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik jenis pakai buang dalam insiden di Bera, Pahang.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36  
RUANGAN : DALAM NEGERI

36

Utusan Malaysia  
JUMAAT • 2 OGOS 2024

Dalam Negeri

# 105 kes penyakit berjangkit melibatkan Orang Asli di Terengganu

Oleh NOOR HAYATI MAMAT  
utusannews@mediamula.com.my

**HULU TERENGGANU:** Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) merekodkan sebanyak 105 kes penyakit berjangkit dalam kalangan Orang Asli di negeri ini bagi tempoh lima tahun bermula 2019.

Pengaruhnya, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, ia melibatkan 13 kes tuberkulosis (TB), 13 kes sifilis, enam kes kusta, enam kes Covid-19 dan dua wabak campak serta puru.

"Jumlah komuniti Orang Asli bagi tiga daerah di Terengganu iaitu di Sungai Berua, Hulu Terengganu; Sungai Pergam, Kemaman serta Sungai Sayap, Besut kini kira-kira 1,030 orang.

"Berdasarkan analisa data lima tahun iaitu dari 2019 hingga 2023, trend penyakit berjangkit melibatkan TB, kusta dan sifilis sentiasa dikesan dalam kalangan Orang Asli.

"Sementara itu, wabak pertama dilaporkan pada 2019 ialah campak melibatkan seramai 51



**KASEMANI Embong (dua dari kanan) menyempit belon sebagai gimik perasmian Karnival Kesihatan Orang Asli Peringkat Negeri Terengganu dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat Peringkat Daerah Hulu Terengganu di Sungai Berua, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT**

orang komuniti di Sungai Berua. Wabak puru pula dilaporkan pada 2020 melibatkan 16 orang

di sini.

"Bagaimanapun, dua wabak ini tidak lagi dikesan ber-

laku dalam kalangan komuniti ini selepas itu. JKNT sentiasa memberi penekanan terhadap

penjagaan kesihatan Orang Asli termasuk melaksanakan ujian saringan penyakit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Kesihatan Orang Asli Peringkat Negeri Terengganu 2024 dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat Peringkat Daerah Hulu Terengganu Tahun 2024 di Sungai Berua di sini, semalam.

Tambah beliau, ketiga-tiga perkampungan Orang Asli di negeri ini mempunyai kemudahan Klinik Bergerak Orang Asli (KBOA) yang dikendalikan pasukan terlatih setiap hari, setiap minggu.

Katanya lagi, antara perkhidmatan ditawarkan adalah pemeriksaan ibu mengandung, kesihatan ibu anak serta saringan kesihatan seperti kencing manis dan tekanan darah.

"Sehingga kini kedatangan masyarakat Orang Asli di KBOA adalah antara 13 hingga 57 orang setiap kali lawatan dengan jumlah kes dirawat sebanyak 1,466 kes pada tahun lepas," ujarnya.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NATION

## Govt embraces bitter truth, cuts down on sugar

**PUTRAJAYA:** All government programmes, including meetings, will see a cut down on the usage of sugar by at least 50%, says Fahmi Fadzil.

The government spokesperson said the Cabinet has taken note of the alarming key findings of the National Health and Morbidity Survey 2023, which showed an increase in the number of Malaysians suffering from diabetes.

"The Cabinet has decided that starting from today, all programmes will reduce sugar usage by 50%.

"All beverages will be served without added sugar to reduce its consumption," Fahmi told reporters at a press conference yesterday.

Fahmi, who is also Communications Minister, revealed the current rates of diabetes stood at 3.2% for Malaysians aged 18 to 29, 6.5% for those aged between 30 and 39, 15.2% for those aged between 40 and 49, 28.8% for those between 50 and 59 and 38% for those aged 60 and above.

"This means that diabetes is a non-communicable disease that needs to be addressed comprehensively," he said.

He also asked media personnel attending the press conference whether the drinks served were sweet.

"I have asked the officers here to ensure that if there are drinks (served) here, they won't be too sweet.

"Sweetness is good, but let's keep it in our smiles, not our drinks," he said, sporting a grin.

"This is the Cabinet's decision to create a healthier environment," he added.